

Kilang um 8/6/06 didenda kali keempat

KLANG 7 Jun - Sebuah syarikat pembuat sarung tangan getah didenda buat kali yang keempat setelah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini atas tuduhan melepaskan sisa buangan perindustrian ke dalam longkang awam.

Sekiranya dihitung, syarikat Perusahaan Getah Asas Sdn. Bhd., setakat ini telah melunaskan denda berjumlah RM100,000 bagi kesalahan yang serupa.

Dalam prosiding hari ini pula, Hakim Zunaidah Mohd. Idris memerintahkan syarikat terbabit membayar denda RM75,000 atau penjara dua tahun jika gagal membayar denda.

Pengarah Eksekutifnya, Tan Kong Chang bagaimanapun membayar denda tersebut.

Kong Chang mengaku bersalah bagi pihak syarikat, melepaskan effluen yang disahkan mengandungi pepejal terampai iaitu zink, oksigen kimia dan minyak gris melebihi piawaian yang ditetapkan, pada pukul 12.40 tengah hari, 17 September 2004.

Syarikat didakwa di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974/pindaan yang memperuntukkan denda RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pegawai pendakwa dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Norhayati Mohd. Idris memohon mahkamah mengenakan denda maksimum serta hukuman penjara kerana kilang terbabit masih mengulangi kesalahan yang serupa dan pernah didenda pada Januari 1998, Februari 2000 dan Julai 2004.

Peguam A.S. Kumar yang mewakili syarikat merayu supaya mahkamah mengenakan denda yang minimum kerana langkah mengatasi telah pun diambil misalnya meningkatkan sistem loji rawatan air yang menelan belanja jutaan ringgit.

Kong Chang pula mencelah dan menjelaskan, kejadian tersebut sebenarnya berpunca daripada pekerja yang sedang menjalankan kerja-kerja pembersihan menggunakan sejenis bahan kimia.